



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

# PENYATA KEWANGAN BERAUDIT DAN LAPORAN TAHUNAN

---

2021



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN




LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

**2021**

**PENYATA  
KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR**

**31 DISEMBER  
2021**

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Lembaga Pembangunan Tioman dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 4 hingga 24.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Tioman pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen No. 7 Tahun 1997.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### *Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Tioman dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah. Lembaga Pembangunan Tioman bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen No. 7 Tahun 1997. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Tioman untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Tioman;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Tioman sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Pembangunan Tioman tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan atas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.


Lembaga Pengarah telah dimaklumkan antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

### Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Tioman berdasarkan keperluan Enakmen No. 7 Tahun 1997 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
(SAIFUL ANUAR BIN MOHD JAAFAR)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

KUANTAN, PAHANG  
12 OGOS 2022



## **LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

### **MAKLUMAT LEMBAGA**

PENGERUSI	DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.,
PENGURUS BESAR	DATO' HAJI IDROS BIN YAHYA DIMP., AMP.,
JURUAUDIT	PENGARAH JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PAHANG JABATAN AUDIT NEGARA
JURUAUDIT (FIRMA AUDIT SWASTA)	TETUAN MOHAMED ASRI & CO 2 <sup>ND</sup> FLOOR , B42, JALAN GAMBUT, 25000 KUANTAN, PAHANG
PEJABAT BERDAFTAR	NO. 1 JALAN BESAR TANJUNG GEMOK 1, TELUK GADING, 26820 KUALA ROMPIN, PAHANG DARUL MAKMUR.
BANK-BANK	MAYBANK BERHAD (CAW. KUALA ROMPIN) MAYBANK BERHAD (CAW. BUKIT UBI, KUANTAN) BANK SIMPANAN NASIONAL (JALAN BESAR, KUANTAN) BANK KERJASAMA RAKYAT BERHAD (CAW. INDERA MAHKOTA)


LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

PENYATA PENGERSI  
DAN TIMBALAN PENGERSI


Kami, DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL dan DATO' SRI DR SALLEHUDDIN BIN ISHAK yang merupakan Pengurus dan Timbalan Pengurus LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021 yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan kami adalah benar dan kami membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,



DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.,  
PENGERSI  
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN



DATO' SRI DR SALLEHUDDIN BIN ISHAK  
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., JSM., PJK.,  
TIMBALAN PENGERSI  
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

Tarikh : 29 APR 2022

Kuantan

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

Saya, DATO' HAJI IDROS BIN YAHYA pegawai utama yang bertanggungjawab keatas pengurusan kewangan LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN, dengan ikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 4 hingga 24 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya ini adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.


Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh DATO' HAJI IDROS BIN  
YAHYA di Kuantan dalam Negeri  
Pahang Darul Makmur pada )  
)  
)



29 APR 2022

DATO' HAJI IDROS BIN YAHYA  
DIMP., AMP.,

Di hadapan saya,



ABDULLAH BIN ABDUL WAHAB (C134)  
PESURUJAYA SUMPAH  
No. 2-11, Tingkat 2,  
Bangunan UTC Pahang,  
Jalan Stadium, 25000 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021**

	Nota	2021 RM	2020 RM
<b>ASET</b>			
<b>ASET SEMASA</b>			
Urusniaga bukan Pertukaran	3	335,606	168,740
Urusniaga Pertukaran	4	58,675	45,226
Pelbagai Akaun Belum Diterima	5	44,494	52,401
Wang Tunai dan Baki di Bank	6	817,316	904,822
Simpanan Tetap	7	5,199,159	3,112,344
		<b>6,455,249</b>	<b>4,283,533</b>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	8	1,304,220	1,255,197
Aset Tak Ketara	9	446	3,695
		<b>1,304,666</b>	<b>1,258,892</b>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>7,759,915</b>	<b>5,542,425</b>
<b>LIABILITI</b>			
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Belanja			
Terakru	10	565,129	228,274
Geran Kerajaan	11	3,800,935	1,948,627
Peruntukan Manfaat Kakitangan	12	12,679	47,649
		<b>4,378,743</b>	<b>2,224,550</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan Manfaat Kakitangan	12	67,733	164,892
		<b>67,733</b>	<b>164,892</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>4,446,476</b>	<b>2,389,441</b>
<b>ASET BERSIH</b>		<b>3,313,439</b>	<b>3,152,984</b>
<b>ASET BERSIH</b>		<b>3,313,439</b>	<b>3,152,984</b>
Kumpulan Wang Lembaga		<b>3,313,439</b>	<b>3,152,984</b>

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**  
**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	Nota	2021 RM	2020 RM
<b>HASIL</b>			
Urusniaga bukan Pertukaran	13	4,711,036	3,857,736
Urusniaga Pertukaran	14	<u>214,972</u>	241,779
<b>JUMLAH HASIL</b>		<u>4,926,009</u>	<u>4,099,515</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
<b>Emolumen</b>			
Gaji dan Upahan		1,143,541	1,076,050
Elaun Tetap		286,021	285,716
Sumbangan berkanun untuk kakitangan		198,750	188,366
Elaun Lebih Masa		24,555	29,791
Faedah Kewangan Yang Lain		125,195	89,363
Elaun Ahli Lembaga		<u>127,000</u>	<u>128,000</u>
		<u>1,905,062</u>	<u>1,797,285</u>
<b>PERKHIDMATAN DAN BEKALAN</b>			
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	15	141,436	116,788
Perhubungan dan Utiliti	16	122,679	96,615
Sewaan	17	61,039	47,089
Bekalan Bahan-bahan Mentah	18	29,874	52,557
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	19	40,861	61,986
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	20	976,035	34,184
Perbelanjaan "Barges System"	21	440,877	440,877
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	22	<u>565,299</u>	<u>492,640</u>
		<u>2,378,099</u>	<u>1,342,735</u>
<b>PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN</b>			
<b>TETAP</b>			
Pemberian Dalam Negeri	23	21,400	42,250
Pengangkutan Barang-barang	24	2,827	1,865
Tuntutan, insurans dan pampasan	25	17,698	1,959
Ganjaran		37,135	89,812
Kenaan Bank		999	1,058
Pelbagai Belanja		<u>670</u>	-
		<u>80,728</u>	<u>136,943</u>
<b>PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN</b>			
Hutang Ragu	26	39,636	22,880
Perbelanjaan Promosi	27	99,868	43,039
Perbelanjaan Pembangunan	28	102,372	6,600
Perbelanjaan Lawatan Kerja		-	35,944
		<u>241,875</u>	<u>108,463</u>
Susutnilai		<u>279,029</u>	<u>257,133</u>
		<u>279,029</u>	<u>257,133</u>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<u>4,884,793</u>	<u>3,642,558</u>
<b>LEBIHAN BAGI TAHUN SEMASA</b>		<u>41,216</u>	<u>456,957</u>

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**  
**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Nota	Kumpulan Wang Lembaga
Baki pada 1 Januari 2020	3,152,984
- Seperti yang dinyatakan terdahulu <i>Pelarasan Tahun Lalu</i>	29 <u>119,239</u>
Baki pada 31 Disember 2020	3,272,223
Lebihan Bersih Bagi Tahun Semasa	<u>41,216</u>
<b>Baki pada 31 Disember 2021</b>	<b><u>3,313,439</u></b>

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	2021 RM	2020 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Lebihan / (Kurangan) bagi tahun	41,216	456,957
<b>Pergerakan bukan tunai:</b>		
Susutnilai aset harta tanah, loji dan peralatan	279,029	257,133
Peruntukan hutang ragu	-	(13,109)
Pelarasan tahun lepas	119,239	89,235
Peruntukan manfaat kakitangan	(132,130)	79,765
(Peningkatan)/Pengurangan akaun belum terima	(172,407)	(96,758)
Peningkatan/(Pengurangan) akaun belum bayar	336,856	(755)
Peningkatan/(Pengurangan) Geran Kerajaan	<u>1,852,309</u>	<u>(377,940)</u>
<b>Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi</b>	<b><u>2,324,111</u></b>	<b><u>394,529</u></b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Belian harta tanah, loji dan peralatan	(324,803)	(195,741)
<b>Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan</b>	<b><u>(324,803)</u></b>	<b><u>(195,741)</u></b>
Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tempoh	1,999,308	198,788
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh	<u>4,017,166</u>	<u>3,818,378</u>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh</b>	<b><u>6,016,475</u></b>	<b><u>4,017,166</u></b>
<i>Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:</i>		
Wang di tangan dan di bank	817,316	904,822
Simpanan Tetap	<u>5,199,159</u>	<u>3,112,344</u>
	<b><u>6,016,475</u></b>	<b><u>4,017,166</u></b>

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	JUMLAH BAJET ASAL RM	JUMLAH SEBENAR RM	VARIAN BAJET RM
<b>PENERIMAAN</b>			
Urusniaga bukan pertukaran	6,122,568	4,538,834	(1,583,734)
Urusniaga perlukaran	<u>207,567</u>	<u>168,979</u>	<u>(38,588)</u>
	<u><b>6,330,134</b></u>	<u><b>4,707,813</b></u>	<u><b>(1,622,321)</b></u>
<b>PEMBAYARAN</b>			
Emolumen	1,997,597	1,905,062	92,535
Perkhidmatan dan bekalan	2,034,979	2,378,098	(343,119)
Pemilikan harta modal	1,091,007	324,803	766,204
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	50,000	80,728	(30,728)
Perbelanjaan lain-lain	<u>1,021,800</u>	<u>202,239</u>	<u>819,561</u>
	<u><b>6,195,382</b></u>	<u><b>4,890,930</b></u>	<u><b>1,304,452</b></u>
	<u><b>134,752</b></u>	<u><b>(183,117)</b></u>	<u><b>317,870</b></u>

Sila rujuk nota-nota kepada Penyata Kewangan No. 30

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2021**

**1. MAKLUMAT AM**

**1.1 Kegiatan Utama Lembaga**

Kegiatan utama Lembaga Pembangunan Tioman adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Pulau Tioman.

Kegiatan utama Lembaga adalah menjaga kebersihan Pulau Tioman dan melaksanakan pembangunan ekonomi, sosial, fizikal dan persekitaran Pulau Tioman di samping mengutip hasil cukai dan bukan cukai selaras dengan Seksyen 39 Akta 171.

Lembaga juga menyediakan ruang niaga untuk disewa oleh penduduk tempatan bagi perkembangan dan merancakkan ekonomi Pulau Tioman.

Pihak Lembaga juga mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi pengurusan Lembaga.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN**

**2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

2.1.1 Penyata Kewangan Lembaga disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan.

**2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan**

**2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran**

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*Sambungan*)**

### **2.2. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan (*Sambungan*)**

**2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:**

- (i) **Cukai Taksiran**  
Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di kawasan Lembaga. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.
- (ii) **Sumbangan Membantu Kadar (SMK)**  
SMK adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Lembaga. SMK diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.
- (iii) **Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit**  
Lembaga merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubungan dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, iklan dan lain-lain.
- (iv) **Denda dan hukuman**  
Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan sebagai melanggar undang-undang atau denda cukai taksiran, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.  
  
Hasil bagi lesenan denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Lembaga menerima bayaran kerana ketidakpastian dalam kutipan ke atas hasil tersebut.
- (v) **Geran Kerajaan**  
Geran yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang ditentukan seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan.  
Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*Sambungan*)**

### **2.2. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan (*Sambungan*)**

#### **2.2.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran**

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

##### **(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan**

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Lembaga termasuk pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, kutipan sampah dan lain-lain perkhidmatan.

##### **(ii) Perolehan dari Jualan Barang-barang**

Perolehan dari Jualan Barang-barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebutharga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan dan lain-lain).

##### **(iii) Sewaan**

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Lembaga mengikut syarat perjanjian penyewaan.

##### **(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan**

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaruan masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke aras aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

##### **(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) dan (v) di atas.**

Hasil berkenaan hanya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

## **2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan**

- 2.3.1 Aset Harta Modal iaitu Aset baru yang dibeli (urusniaga pertukaran) atau diterima melalui sumbangan, hadiah dan sitaan (urusniaga bukan pertukaran) yang bernilai atau anggaran nilai *threshold* melebihi daripada **RM2,000.00** (*Ringgit Malaysia: Dua Ribu Sahaja*) dan diyakini anggaran jangka hayat melebihi satu (1) tahun. Maka kos tersebut dinyatakan sebagai kos dipermodalkan.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*Sambungan*)**

### **2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan (*Sambungan*)**

- 2.3.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos pengantian bagi mana-mana aset yang memerlukan pengantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktirafkan sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.
- 2.3.3 Jika sesuatu aset diperoleh melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

### **2.4. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan**

- 2.4.1 Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.
- 2.4.2 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan.
- 2.4.3 Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Jenis Aset	Kadar Tahunan (%)
Kenderaan	20
Jentera	20
Perabot dan Kelengkapan Pejabat	20
Alat Kelengkapan Elektronik	20
Alat Kelengkapan Elektrik	20
Alat Kelengkapan Penyiaran dan Perhubungan	20
Kelengkapan Fotografi dan Tayangan Gambar	20
Kelengkapan Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan	20
Bangunan	10
Pembaikan Bangunan	10
Komputer & Aset Tak Ketara	50

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)**

### **2.4. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)**

- 2.4.4 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

### **2.5. Aset Tak Ketara**

- 2.5.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Lembaga dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 2.5.2 Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur kepada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan yang diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 2.5.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai hayat, maka tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.
- 2.5.4 Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.
- 2.5.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.5.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

### **2.6 Tunai dan Kesetaraan Tunai**

- 2.6.1 Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan Tunai di tangan, bank dan pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas (12) bulan yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)**

### **2.7 Peruntukan dan Liabiliti**

- 2.7.1 Peruntukan diiktiraf apabila Lembaga mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstraktif) hasil daripada peristiwa lalu. Terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggar dengan pasti. Apabila Lembaga menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.
- 2.7.2 Pemakaian MPSAS menghendaki peruntukan untuk hutang rugu ini dibuat secara khas dan bukan berdasarkan pertimbangan ataupun peratus keseluruhan hutang sedia ada. Peruntukan hutang rugu bagi Penghutang Cukai Taksiran Am (CTA) diukur berdasarkan usia hutang yang melebihi sepuluh (10) tahun, bermula pada tahun 2013 dan peruntukan pertama akan dibuat pada tahun 2023. Manakala bagi Penghutang Sewa Ruang Niaga pula diambil kira berdasarkan usia hutang yang melebihi satu (1) tahun.

### **2.8. Manfaat Pekerja**

- 2.8.1 **Manfaat kakitangan jangka pendek**  
Lembaga yang ditubuhkan mengikut Enakmen No. 12, tahun 1997 Kerajaan Negeri Pahang sebagai Badan Berkanun Negeri adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan penjawatan yang oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari. Kemudahan perubatan di klinik-klinik panel yang diluluskan oleh Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

Faedah kakitangan jangka masa pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun dimana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

- 2.8.2 **Manfaat selepas perkhidmatan**

- i) **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**  
Lembaga mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*Sambungan*)**

### **2.8. Manfaat Pekerja (*Sambungan*)**

- ii) **Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)**  
Lembaga mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.
- iii) **Manfaat Cuti Rehat (GCR) dan Ganjaran Kakitangan Kontrak**  
Bagi kakitangan tetap Lembaga sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunakan oleh Lembaga. Lembaga hanya mengambilkira peruntukan GCR bagi kakitangan tetap yang mencapai umur 40 tahun dan telah berkhidmat pada atau melebihi 10 tahun semasa tempoh penyata kewangan ini dibuat.

### **2.9. Maklumat Bajet**

- 2.9.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.
- 2.9.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman, Mesyuarat Pemeriksaan Bajet dan telah diluluskan oleh Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri, Negeri Pahang.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM DITERIMA

	2021 RM	2020 RM
<u>Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Diterima</u>		
Penghutang Cukai Taksiran	330,606	165,740
Penghutang Pelbagai	5,000	3,000
	<u>335,606</u>	<u>168,740</u>

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM DITERIMA

	2021 RM	2020 RM
<u>Urusniaga Pertukaran Belum Diterima</u>		
Penghutang Sewa Ruang Niaga	56,675	43,226
Penghutang Sewa Tanah	2,000	2,000
	<u>58,675</u>	<u>45,226</u>

5. PELBAGAI AKAUN BELUM DITERIMA

	2021 RM	2020 RM
<u>Pelbagai Akaun Belum Diterima</u>		
Terimaan terakru - Faedah Simpanan Tetap	10,955	20,881
Bayaran Terdahulu - Maintenance Sistem	4,300	4,300
Bayaran Terdahulu - <i>Sinking Fund</i>	12,332	-
Pendahuluan pelbagai	1,171	12,370
Deposit TNB	2,546	4,000
Deposit sewa pejabat	12,000	10,000
Deposit meter air	1,191	850
	<u>44,494</u>	<u>52,401</u>

6. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	2021 RM	2020 RM
<u>Wang Di Tangan dan di Bank</u>		
Tunai di tangan	3,000	3,000
Wang di bank	814,316	901,822
	<u>817,316</u>	<u>904,822</u>

7. SIMPANAN TETAP

	2021 RM	2020 RM
<u>Simpanan Tetap</u>		
Komersial bank	5,199,159	3,112,344
	<u>5,199,159</u>	<u>3,112,344</u>

### 8. ASET TAK KETARA, HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kos	Bangunan	Pembaikan Bangunan	Kenderaan dan Jentera	Perabut, alat kelengkapan pejabat dan Buku Teks	Alat elektrik dan Elektronik	Alat Penyiaran dan Perhubungan	Kelengkapan Fotografi dan Tayangan Gambar	Kelengkapan Kesejamanan, Kebersihan dan	Aset Tak Ketara	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1.1.2021	2,913,911.04	126,258.00	998,141.08	282,743.66	189,977.24	5,260.00	83,454.00	7,638.00	32,300.00	4,639,683.02
Tambahan	61,494.17	-	236,508.71	14,100.00	12,700.00	-	-	-	-	324,802.88
Penjualan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31.12.2021	2,975,405.21	126,258.00	1,234,649.79	296,843.66	202,677.24	5,260.00	83,454.00	7,638.00	32,300.00	4,964,485.90
<u>Susutnilai Terkumpul</u>										
Pada 1.1.2021	1,932,587.52	112,764.86	805,649.24	241,610.60	163,238.97	5,259.00	83,443.00	7,633.00	28,605.38	3,380,791.57
Tambahan	138,190.33	1,942.92	105,676.04	13,929.05	16,041.43	-	-	-	3,249.00	279,028.77
Penjualan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31.12.2021	2,070,777.85	114,707.78	911,325.28	255,539.65	179,280.40	5,259.00	83,443.00	7,633.00	31,854.38	3,659,820.34
<u>Nilai buku bersih</u>										
Pada 1.1.2021	981,324.00	13,493.00	192,492.00	41,133.00	26,738.00	1.00	11.00	5.00	3,695.00	1,258,892.00
Pada 31.1.2021	904,627.36	11,550.22	323,324.51	41,304.01	23,396.84	1.00	11.00	5.00	445.62	1,304,665.56
Susutnilai	138,190.33	1,942.92	105,676.04	13,929.05	16,041.43	-	-	-	3,249.00	279,028.77

Nota-nota kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

**9. ASET TAK KETARA**

<u>TAHUN 2021</u>	Perisian Komputer
<b>KOS</b>	
Pada 1 Januari 2021	32,300
Tambahan dalam tahun	-
Pindahan	-
Kos pada 31 Disember 2021	<u>32,300</u>
<b>SUSUTNILAI</b>	
Pada 1 Januari 2021	28,605
Tambahan dalam tahun	3,249
Pindahan	-
Susutnilai pada 31 Disember 2021	<u>31,854</u>
<b>AMAUN BAWAAN</b>	
Pada 31 Disember 2021	<u>446</u>

**10. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU**

	2021 RM	2020 RM
<u>Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Belanja</u>		
<u>Terakru</u>		
Pemiutang	393,536	87,840
Lain-lain Pemiutang	5,216	5,216
<i>Sinking Fund</i>	67,095	21,881
Belanja Terakru	47,425	58,525
Deposit Sewa Gerai	35,922	33,922
Deposit Hiburan	11,500	11,500
Deposit Kunci	1,360	1,160
Deposit Lupus Aset	-	223
Deposit Tapak Pasar Malam	1,050	1,000
Pendapatan Terdahulu Lesen Perniagaan	610	3,963
Pendapatan Terdahulu Sewa Ruang Niaga	890	2,000
Pendapatan Terdahulu Cukai Taksiran Am	525	1,043
	<u>565,129</u>	<u>228,274</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan (*Sambungan*)

**11. GERAN KERAJAAN TERTUNDA**

	2021 RM	2020 RM
<b>Geran Kerajaan Tertunda</b>		
Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	1,832,321	1,919,693
Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	23,934	23,934
Pejabat Kewangan Negeri Pahang	1,798,127	-
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	-	5,000
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	146,553	-
	<b>3,800,935</b>	<b>1,948,627</b>

**12. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN**

	RM
<b>Peruntukan Manfaat Kakitangan</b>	
Baki Pada Awal Tahun (1.1.2021)	212,541
(+) Tambahan	165,856
(-) Penggunaan	297,985
Baki Pada Akhir Tahun (31.12.2021)	<b>80,411</b>

Peruntukan manfaat kakitangan dianalisa seperti berikut:

Kurang daripada 12 bulan	12,679
Lebih daripada 12 bulan	(144,808)
	<b>(132,130)</b>

**13. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN**

	2021 RM	2020 RM
<b>Urusniaga Bukan Pertukaran</b>		
Cukai Taksiran Am (CTA)	851,838	851,838
Geran Kerajaan Negeri dan Agensi-agensi Lain	3,680,722	2,817,857
Lesen Perniagaan	71,654	93,529
Permit Perniagaan	17,507	870
Sumbangan Membantu Kadar (SMK)	45,858	45,858
Notis dan Denda	1,246	10,089
Lain-lain Terimaan	42,211	37,696
	<b>4,711,036</b>	<b>3,857,736</b>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan (*Sambungan*)

14. URUSNIAGA PERTUKARAN

	2021 RM	2020 RM
<u>Urusniaga Pertukaran</u>		
Pendapatan Sewaan	122,408	142,333
Faedah (Simpanan Semasa dan Simpanan Tetap)	92,564	94,847
Perolehan dari Pelupusan	-	4,599
	<u>214,972</u>	<u>241,779</u>

15. PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP

	2021 RM	2020 RM
<u>Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup</u>		
Makanan dan Minuman	18,289	27,613
Penginapan (Hotel dan Lojing)	74,721	44,086
Elaun Perjalanan, Bayaran Tambang Bas & Teksi	22,760	36,672
Bayaran-bayaran Lain	25,666	8,418
	<u>141,436</u>	<u>116,788</u>

16. UTILITI

	2021 RM	2020 RM
<u>Perhubungan dan Utiliti</u>		
Elektrik Pejabat	28,352	35,920
Elektrik Awam	71,156	37,107
Air	1,200	1,077
Telefon	20,743	20,638
Pos	828	665
Indah Water Konsortium	400	1,207
	<u>122,679</u>	<u>96,615</u>

17. SEWAAN

	2021 RM	2020 RM
<u>Sewaan</u>		
Sewaan Bangunan Pejabat	26,250	26,250
Sewaan Bangunan Lain	4,600	2,300
Sewaan Lori dan Kenderaan Barang	2,129	806
Sewaan Tongkang	500	227
Lain-lain Sewaan	27,560	17,506
	<u>61,039</u>	<u>47,089</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan (*Sambungan*)

**18. BEKALAN BAHAN-BAHAN MENTAH**

	2021 RM	2020 RM
<u>Bekalan Bahan-bahan Mentah</u>		
Alat-alat Ganti	6,591	19,761
Petroleum dan Bahan Bakar	21,081	20,522
Getah dan Barang-barang Buatan Getah	1,978	4,152
Adhesive dan Bahan Plastik	224	128
Bekalan Pertanian	-	7,994
	<u>29,874</u>	<u>52,557</u>

**19. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN**

	2021 RM	2020 RM
<u>Bekalan dan Bahan-bahan Lain</u>		
Bekalan Pejabat	12,678	10,676
Bekalan Tenunan dan Barang-barang Pakaian	13,921	23,182
Bekalan Am	14,263	28,128
	<u>40,861</u>	<u>61,986</u>

**20. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL**

	2021 RM	2020 RM
<u>Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil</u>		
Penyelenggaraan Bangunan Termasuk Alat Keselamatan	503,720	14,289
Penyelenggaraan Kenderaan dan Jentera	468,155	11,618
Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Elektronik	375	2,457
Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Elektrik	3,785	5,820
	<u>976,035</u>	<u>34,184</u>

**21. BAYARAN KERAJAAN TEMPATAN**

	2021 RM	2020 RM
<u>Perbelanjaan "Barges System"</u>		
Sumbangan PBT kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	440,877	440,877
	<u>440,877</u>	<u>440,877</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan (*Sambungan*)

**22. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI**

	Nota	2021 RM	2020 RM
<u>Perkhidmatan ikhtisas dan Hospitaliti</u>			
Perkhidmatan yang Dibeli	a	108,100	78,254
Bayaran Pekerja Sementara dan Sambilan		419,101	394,328
Keraian, Hospitaliti dan Honorarium		38,098	20,058
		<u>565,299</u>	<u>492,640</u>
Perkhidmatan yang Dibeli Terdiri daripada:-			
Perkhidmatan Perubatan		15,619	13,238
Perkhidmatan Perakaunan dan Audit		16,300	23,766
Perkhidmatan Perundangan		-	2,000
Perkhidmatan Pengurusan		7,050	2,680
Perkhidmatan Kawalan dan Keselamatan		5,890	-
Perkhidmatan Latihan Kakitangan		9,712	1,837
Perkhidmatan Percetakan		28,183	20,350
Perkhidmatan Dobi		-	135
Perkhidmatan yang Lain		25,346	14,248
		<u>108,100</u>	<u>78,254</u>

**23. PEMBERIAN DALAM NEGERI**

	2021 RM	2020 RM
<u>Pemberian Dalam Negeri</u>		
Pemberian kepada Kelab Sukan dan Keluarga LPT	20,000	20,000
Pemberian kepada Lain-lain Persatuan	1,400	22,250
	<u>21,400</u>	<u>42,250</u>

**24. PENGANGKUTAN BARANG-BARANG**

	2021 RM	2020 RM
<u>Pengangkutan Barang-barang</u>		
Elaun Pindah	2,827	1,865
	<u>2,827</u>	<u>1,865</u>

**25. TUNTUTAN, INSURANS DAN PAMPASAN**

	2021 RM	2020 RM
<u>Tuntutan, Insurans dan Pampasan</u>		
Insurans	17,698	1,959
	<u>17,698</u>	<u>1,959</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

26. HUTANG RAGU

	2021 RM	2020 RM
<u>Hutang Ragu</u>		
Hutang Ragu - Sewa Ruang Niaga	39,636	22,880
	<u>39,636</u>	<u>22,880</u>

27. PERBELANJAAN PROMOSI

	2021 RM	2020 RM
<u>Perbelanjaan Promosi</u>		
Kerja-kerja Selenggara Laluan Masuk & Mendaki Batu Semebal, Kg Nipah	15,000	-
Program Lawatan Pembelajaran Pelaksanaan Program Community CBET	13,731	-
Bantuan One-Off kepada Pengusaha Chalet dan Penyewa Ruang Niaga	67,500	-
Publisiti dan Promosi	3,636	3,385
Program Fam Family	-	3,000
Acara Pulau Kita Day	-	700
Program Latihan Khas TVET	-	24,416
Seminar Aviatorism	-	11,538
	<u>99,868</u>	<u>43,039</u>

28. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	2021 RM	2020 RM
<u>Perbelanjaan Pembangunan</u>		
Pembersihan pokok tumbang di KM3.5 Jalan Tekek-Juara	2,000	-
Pembersihan jalan, pemotongan, pembersihan rumput Jalan Kg Tekek-Kg Juara	13,000	-
Kerja-kerja pelantikan perunding penyiasatan tanah - Jalan Mukut Minang Cove	19,500	-
Kerja-kerja pelantikan perunding ukur tanah - Jalan Mukut Minang Cove	67,872	-
Kerja-kerja Bekalan Meter 1 Fasa bagi Lampu Jalan Pulau Tioman	-	4,600
Kerja-kerja Memotong Serta Membersihkan Pokok Tumbang di Jalan Kg Tekek ke Kg Juara	-	2,000
	<u>102,372</u>	<u>6,600</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

29. PERLARASAN TAHUN LALU

	Nota	2021 RM	2020 RM
Hartanah, Loji dan Peralatan	29.1	(25,744)	-
Faedah Simpanan Tetap	29.2	12,113	(36,241)
Peruntukan Ganjaran Cuti Rehat	29.3	(105,608)	-
Urusniaga Pertukaran		-	(1,428)
Urusniaga Bukan Pertukaran		-	-
Pelbagai Akaun Belum Diterima		-	(12,278)
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Belanja Terakru		-	(42,870)
Maklum Balas Penyata Kewangan		-	-
Emolumen		-	3,582
		<u>(119,239)</u>	<u>(89,235)</u>

Nota

29.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

- Pelarasan kos hartanah, loji dan peralatan yang direkod sebagai perbelanjaan.

29.2 Faedah Simpanan Tetap

- Pelarasan faedah terakru simpanan tetap pada tahun 2020

29.3 Peruntukan Ganjaran Cuti Rehat

- Pelarasan ganjaran cuti rehat menggunakan *Projected Unit Credit Method* selaras dengan MPSAS 25 – Manfaat Kakitangan.

30. NOTA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Belanjawan dan Penyata Kewangan Lembaga disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama seperti mana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudian dibentang di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar.



Tioman

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIO MAN

# 2021

---

# LAPORAN TAHUNAN

# ISI KANDUNGAN

## LAPORAN TAHUNAN 2021

# LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

### 01 MAKLUMAT KORPORAT

FUNGSI LEMBAGA  
PENGERUSI  
TIMBALAN PENGERUSI  
AHLI LEMBAGA  
KUMPULAN PENGURUSAN

MS 2

### 02 PENGURUSAN ORGANISASI

HALA TUJU STRATEGIK  
PENTADBIRAN DAN PENJAWATAN  
USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI  
PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN  
PENINGKATAN MOTIVASI  
ICT DALAM PENGURUSAN  
BELANJAWAN DAN KEWANGAN

MS 7

### 03 PENGURUSAN SUMBER ASLI

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH (RTD) ROMPIN  
DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) GUGUSAN  
PULAU TIOMAN, PAHANG, 2030  
KAWALAN PEMBANGUNAN

MS 29

### 04 KUALITI HIDUP MASYARAKAT

INFRASTRUKTUR FIZIKAL  
KEMUDAHAN SOSIAL  
PENGURUSAN KUMBAHAN  
PENGURUSAN KESIHATAN PERSEKITARAN DAN  
KAWALAN PERNIAGAAN

MS 34

### 05 MODAL INSAN

PROGRAM KEUSAHAWANAN  
PROGRAM PEMULIHAN SEKTOR PELANCONGAN PULAU TIOMAN  
KEMASYARAKATAN  
KEROHANIAN

MS 50

### 06 PELANCONGAN

PRODUK  
AKSESSIBILITI  
KEMUDAHAN PELANCONGAN  
STATISTIK PELANCONG

MS 55

# **MAKLUMAT KORPORAT**

01



**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

## **MAKLUMAT KORPORAT**

### **FUNGSI LEMBAGA**

Fungsi-fungsi Lembaga seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen penubuhannya adalah seperti berikut:

- a. Melaksanakan segala fungsi Kerajaan Tempatan di dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- b. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- c. Memajukan dan menggalakkan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman sebagai kawasan bebas duti;
- d. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersil dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman; dan
- e. Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam perenggan (b), (c) dan (d) dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

## **PENGERUSI LEMBAGA**

**Peruntukan Seksyen 5(1) (a), Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman  
1997 (Enakmen 12) bertarikh 16 Julai 2015**



**PENGERUSI**  
**YAB. Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail,**  
**SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP, AMP.,**  
**Menteri Besar Pahang**

## **TIMBALAN PENGERUSI LEMBAGA**

**Peruntukan Seksyen 5(1)(aa), Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman  
1997 (Enakmen 12), bertarikh 16 Julai 2015**



**TIMBALAN PENGERUSI**  
**YB. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,**  
**SSAP., SIMP., DIMP., PJN., JSM., PJK.,**  
**Setiausaha Kerajaan Pahang**

## AHLI LEMBAGA

**Peruntukan Seksyen 5(1)(b) Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman  
1997 (Enakmen 12) bertarikh 16 Julai 2015**

**Tiga Orang Wakil Kerajaan Persekutuan**



**Encik Mohd. Zamri bin Mat Zain**  
(Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan),  
Kementerian Pelancongan,  
Seni dan Budaya Malaysia)



**YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid**  
(Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian  
dan Industri Asas Tani Malaysia)



**Encik Muhammad Azlan bin Zakaria**  
(Ketua Seksyen Dasar Dan Penyelidikan,  
Pejabat Belanjawan Negara,  
Kementerian Kewangan Malaysia)

## AHLI LEMBAGA

**Peruntukan Seksyen 5(1)(c) Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman  
1997 (Enakmen 12) bertarikh 16 Julai 2015**

**Lima Orang Anggota Lain Yang Dilantik Oleh Menteri Besar**



**YH. Dato' Sri Maznah binti Mazlan**



**YB. Dato' Sri Hj. Mohd Johari bin Hj. Hussain**  
(Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang  
Merangkap ADUN Tioman)



**YH. Dato' Haji Wan Abdullah  
bin Haji Wan Salleh**



**YH. Dato' Haji Md. Rusli  
bin Ismail**



**YB. Datin Hajah Shamsiah  
binti Haji Arshad**  
(Ahli Dewan Undangan  
Negeri, Bukit Ibam)

## KUMPULAN PENGURUSAN



PENGURUS BESAR  
YH. Dato' Haji Idros bin Yahya,  
DIMP., AMP.



PENGURUS KHIDMAT  
PENGURUSAN  
Nor Zaihan binti Othman



PENGURUS PERANCANGAN  
DAN PEMBANGUNAN PROJEK  
Haji Wahialkhan bin Ibrahim



PEGAWAI PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT  
Nazratul Azra binti Tukirin

# PENGURUSAN ORGANISASI

O2



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

# **PENGURUSAN ORGANISASI**

## **HALA TUJU STRATEGIK**

### **Visi**

Untuk menjadi peneraju utama yang progresif, dinamik dan berdaya maju bagi melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

### **Misi**

Melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman dengan cekap dan berkesan untuk menjamin kesejahteraan penduduk dan pelancong.

### **Teras Strategik**

- ✓ Memastikan pengurusan sumber asli yang mampan.
- ✓ Mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
- ✓ Memperkasakan keupayaan modal insan.
- ✓ Merealisasikan potensi pembangunan pelancongan.
- ✓ Melaksanakan transformasi jentera pentadbiran.

## PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN

### Perjawatan

Jawatan yang diluluskan kepada Lembaga Pembangunan Tioman oleh Agensi Pusat masih kekal seperti tahun lepas iaitu 42 jawatan termasuk tiga (3) jawatan yang telah dijumudkan berikutan pemindahan kakitangan yang terlibat dengan pelaksanaan penswastaan urusan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan, Pulau Tioman kepada SWCorp mulai 1 April 2019. Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Lembaga Pembangunan Tioman terkini yang berkuatkuasa adalah S.K.P Bil. B56 Tahun 2019 bertarikh 4 Oktober 2019.

Kedudukan perjawatan Lembaga Pembangunan Tioman pada 31 Disember 2021 adalah seperti Jadual di bawah:-

KUMPULAN PERKHIDMATAN	SURAT KELULUSAN PERJAWATAN (S.K.P) (OS11000)			ANGGARAN BELANJA MENGURUS (OS29000)		JUMLAH	
	LULUS	PENGISIAN		PENGISIAN		ISI	KOSONG
		TETAP	KONTRAK (Contract Of Service)	LULUS	KONTRAK (Contract Of Service)		
Pengurusan & Profesional	5	3	1	0	0	4	1
Pelaksana	37	30	0	11	10	41	8
JUMLAH	42	33	1	11	10	44	9

**Jadual 1: Kedudukan Perjawatan Pada 31 Disember 2021**

Sehingga akhir tahun 2021, daripada 39 perjawatan yang boleh diisi, terdapat lima (5) kekosongan jawatan yang masih belum diisi berikutan proses pengukuhan perjawatan, kenaikan pangkat dan pegawai berpencen melibatkan jawatan Pegawai Tadbir, Gred N48/N52, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N26/N28, Pembantu Laut, Gred A19, Pembantu Awam, Gred H14 dan Pembantu Awam, Gred H11 .

Selain daripada itu, terdapat dua (2) jawatan yang melibatkan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Gred N22 untuk kenaikan pangkat secara pemangkuhan ke gred N26 dan kenaikan pangkat secara khas untuk penyandang (KUP) (TBK1) bagi dua (2) orang anggota perkhidmatan dari gred N19 ke gred N22 dan FA29 ke gred FA32.

Selain perjawatan yang diwujudkan melalui Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bil. B56 Tahun 2019 bertarikh 4 Oktober 2019, Pengurusan Lembaga juga mewujudkan sebelas (11) jawatan-jawatan kontrak (*Contract Of Service*) di bawah Anggaran Belanja Mengurus (OS29000) Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun 2021.

Senarai perjawatan tersebut adalah seperti berikut:-

KUMPULAN PERKHIDMATAN / JAWATAN <i>CONTRACT OF SERVICE</i>	GRED	JUMLAH
<b>Pelaksana</b>		
1. Penolong Pegawai Penilaian	W29	1
2. Penolong Jurutera (Mekanikal)	JA29	1
3. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	5
4. Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	1
5. Pemandu Kenderaan	H11	1
6. Pembantu Awam	H11	2
<b>JUMLAH</b>		<b>11</b>
<b>Jadual 2: Senarai Perjawatan Kontrak (<i>Contract Of Service</i>) Tahun 2021</b>		

Keperluan perjawatan di Lembaga akan dikaji semula pada tahun 2022 mengikut fungsi dan skop tugas semasa melalui proses pengukuhkan perjawatan yang dilaksanakan secara bersama dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

### **Kursus / Bengkel / Latihan**

Statistik kehadiran kursus anggota perkhidmatan Lembaga bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

Bil	Bil Hari	TAHUN 2021		PERBANDINGAN TAHUN 2020	
		Bil Anggota	Peratus	Bil Anggota	Peratus
1	> 7	11	25.00	3	6.67
2	7	5	11.36	1	2.22
3	6	2	4.55	1	2.22
4	5	3	6.82	4	8.89
5	4	0	0.00	0	0.00
6	3	5	11.36	7	15.55
7	2	3	6.82	4	8.89
8	1	0	0.00	5	11.12
9	0	15	34.09	20	44.44
<b>JUMLAH</b>		<b>44</b>	<b>100%</b>	<b>45</b>	<b>100%</b>
<b>Jadual 3: Statistik Kehadiran Kursus/Bengkel/Latihan Tahun 2021</b>					

Dalam tahun 2021 seramai 21 orang daripada 44 orang kakitangan Lembaga yang telah mencapai sasaran menghadiri kursus sekurang-kurangnya lima (5) hari setahun iaitu sebanyak 47.72% berbanding tahun lalu seramai sembilan (9) orang daripada 45 orang atau 20.00% berikutan Negara Malaysia masih lagi berdepan dengan SOP Pandemik Covid-19 menyebabkan program/kursus hanya dilaksanakan secara online sahaja dan secara bersemuka adalah perlu dihadkan.

## **USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI**

### **Pemantapan Dokumen MyPortfolio Jabatan**

Proses pemantapan dokumen MyPortfolio semua anggota perkhidmatan dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan arahan semasa Kerajaan menerusi MyPortfolio masing-masing.

### **Anugerah Integriti, Governans Dan Antirasuah (AIGA 2020)**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang menganjurkan Anugerah Integriti, Governans dan Anti-Rasuah (AIGA 2020) peringkat Negeri Pahang dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Yayasan Pahang. Anugerah ini bertujuan memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta di Negeri Pahang yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus terbaik dan inisiatif anti rasuah dalam organisasi masing-masing. Bagi penyertaan di dalam **AIGA 2020** ini, Lembaga telah mendapat **Anugerah Gangsa** di dalam Majlis Penyampaian Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah 2020 yang telah diadakan pada 26 Oktober 2021 di Kompleks Yayasan Pahang, Kuantan. Anugerah yang diperoleh ini dijadikan sebagai penanda aras untuk penambahbaikan di dalam proses kerja semasa dan akan datang di Lembaga Pembangunan Tioman. Bagi tahun 2021, Pengurusan Lembaga melaksanakan sepenuhnya *Standard Operating Procedure (SOP)* berdasarkan penilaian di dalam AIGA 2020 dan menambahbahbaik mengikut keperluan semasa.

Gambar Majlis Penyampaian Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah 2020



## **PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI**

### **Majlis Bersama Jabatan**

Bagi mengeratkan hubungan serta mencapai kesepakatan di antara Majikan dan Anggota Perkhidmatan, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Lembaga Pembangunan Tioman diadakan secara berkala. Bagi tahun 2021, pihak Pengurusan Lembaga Pembangunan Tioman telah melaksanakan Mesyuarat MBJ sebanyak tiga (3) kali pada 26/4/2021 (MBJ Bil. 1/2021), 18/8/2021 (MBJ Bil 2/2021) dan 15/12/2021 (MBJ Bil.3/2021) sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2020 berkuatkuasa 1 Januari 2021.

### **Program Utama**

#### ***Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang***

Bagi tahun 2021, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 tidak dapat dilaksanakan dan ditangguhkan ke tahun 2022 untuk diadakan bersekali dengan APC tahun 2021. Ini disebabkan cadangan asal majlis untuk diadakan sempena Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman Kali ke Empat Puluh Tiga (Bil.3/2021) pada 23 Disember 2021 di Kuantan, walaubagaimanapun perubahan tempat mesyuarat telah diadakan di Pulau Langkawi sempena Lawatan Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman ke Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) pada 23 hingga 27 Disember 2021 dan akan melibatkan kos yang tinggi jika dilaksanakan pada masa tersebut.

***Program Lawatan Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman Ke  
Lembaga Pembangunan Langkawi***

Pada 23 hingga 27 Disember 2021, Pengurusan Lembaga telah mengatur satu Program Lawatan Kerja Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) ke Langkawi dan Taklimat Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) kepada Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman untuk mempelajari tentang pengurusan LADA dan pembangunan di Langkawi supaya dapat diterapkan di dalam pentadbiran Lembaga Pembangunan Tioman mengikut kesesuaian.

## **Penambahbaikan Pentadbiran (BKT)**

BKT telah melaksanakan penambahbaikan pentadbiran untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kepada penduduk lebih efektif dan berkesan. Selaras dengan penguatkuasaan pengambilalihan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) mulai 1 Mac 2019, BKT telah menyusun semula unit-unit yang meliputi:

- a) Unit Pentadbiran Dan Kewangan;
- b) Unit Penilaian Dan Pengurusan Harta;
- c) Unit Pelesenan Dan Penguatkuasaan;
- d) Unit Kesihatan Awam;
- e) Unit Teknikal Awam Dan Mekanikal; dan
- f) Unit Tindakan Khas.

## **Unit Tindakan Khas (BKT)**

Di sepanjang tahun 2021, Unit Tindakan Khas sentiasa berada dalam keadaan siap sedia bagi melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa. Unit Tindakan Khas merangkumi tugas-tugas seperti berikut:

- a) Membantu JPKK mengangkat barang bantuan makanan di Marina, Kampung Tekek.
- b) Kerja pembersihan dewan serbaguna di Kampung Tekek.
- c) Pengurusan kebersihan kawasan di bawah operasi Lembaga; dan
- d) Pengurusan aduan dan kes kecemasan seperti bencana/banjir/pokok tumbang/tanah runtuh dan kerja berkaitan.

Senarai tugas Unit Tindakan Khas:

BIL	KERJA-KERJA TINDAKAN KHAS	TARIKH
1.	Membaiki saluran paip di Kompleks Terminal Tekek.	18.03.21
2.	Membantu JPKK mengangkat barang bantuan makanan di Marina Kampung Tekek.	24.03.21
3.	Kerja mencantas dahan pokok di Perumahan PPR, Kampung Tekek.	29.03.21
4.	Kerja pembersihan pejabat Pentadbiran Pulau Tioman.	30.04.21
5.	Kerja pembersihan Jalan Marris.	16.04.21
6.	Kerja pembersihan dewan serbaguna di Kampung Tekek.	22.04.21
7.	Kerja mencantas dahan pokok di sekitar kampung Tekek.	27.04.21
8.	Kerja pemotongan kayu yang reput dan tumbang menghalang laluan jalan di Jalan Belakang Airport, Kampung Tekek.	04.05.21
9.	Kerja mencantas dahan pokok di laluan Pejabat Pentadbiran Tioman.	23.07.21
10.	Kerja pemotongan dahan pokok yang menimpa chalet 1108, kampung Tekek.	13.09.21
11.	kerja mencantas dahan pokok di laluan board walk, Kampung Tekek.	06.10.21
12.	Kerja mencantas dahan pokok yang reput di laluan ke Masjid kampung Tekek.	27.11.21
13.	Kerja pembersihan jalan Marris.	14.12.21
14.	Kerja pemotongan dahan yang reput di laluan ke Masjid kampung Tekek, bekerjasama pasukan bomba dan TNB.	31.12.21

*Jadual 4 : Kerja-kerja Pasukan Tindakan Khas, Lembaga Pembangunan Tioman*

#### **Pelaksanaan Kerja Tindakan Khas Lembaga Pembangunan Tioman**

Membaiki saluran paip di Kompleks Terminal Tekek.




Mengangkat barang bantuan makanan di Marina, Kampung Tekek



Kerja mencantas dahan pokok di Perumahan PPR, Kampung Tekek.




Kerja pembersihan pejabat Pentadbiran Pulau Tioman.





Kerja pembersihan Jalan Marris



Kerja pembersihan dewan serbaguna di Kampung Tekek



Kerja mencantas dahan pokok di sekitar kampung Tekek




Kerja pemotongan kayu yang reput dan tumbang menghalang laluan jalan di Jalan Belakang Airport, Kampung Tekek.



Kerja mencantas dahan pokok di laluan Pejabat Pentadbiran Tioman.



Kerja pemotongan dahan pokok yang menimpa chalet 1108, kampung Tekek.



Kerja mencantas dahan pokok di laluan board walk, Kampung Tekek.



Kerja mencantas dahan pokok yang reput di laluan ke Masjid Kg. Tekek



Kerja pembersihan jalan Marris.



Kerja pemotongan dahan yang reput di laluan ke Masjid kampung Tekek,  
bekerjasama pasukan bomba dan TNB



## **Gotong-royong**

<b>BI</b>	<b>Keterangan</b>	<b>TARIKH</b>
1.	Gotong-royong membersihkan kawasan pejabat Pentadbiran Tioman bersama kakitangan Alam Flora.	29.06.21
2.	Gotong-royong pemasangan jalur gemilang di Kampung Tekek.	25.08.21
3.	Gotong-royong pembersihan kubur di Tanjung Said kampung Tekek.	11.12.21
4.	Gotong-royong membaiki jalan utama di kampung Air Batang bersama JPKK, Bomba dan Alam Flora.	16.12.21
5.	Gotong-royong pembersihan titik curahan (Final Discharge) di Pusat Taman Laut, kampung Tekek. Bersama JPKK, Bomba, Perikanan dan Alam Flora	17.12.21

**Jadual 5 : Kerja-kerja gotong-royong Lembaga Pembangunan Tioman tahun 2021**

### **Pelaksanaan Gotong-royong Lembaga Pembangunan Tioman**

Gotong-royong membersihkan kawasan pejabat Pentadbiran Tioman bersama kakitangan  
Alam Flora



Gotong-royong pemasangan Jalur Gemilang di Kampung Tekek



Gotong-royong pembersihan kubur di Tanjung Said kampung Tekek



Gotong-royong membaiki jalan utama di kampung Air



Gotong-royong pembersihan titik curahan (Final Discharge) di Pusat Taman Laut



## ICT DALAM PENGURUSAN

### *Laman Web Lembaga*

Maklumat-maklumat yang diperlukan oleh para pelancong dan semua pihak berkepentingan seperti senarai resort-resort, pusat skuba dan perkhidmatan pengangkutan sentiasa dikemaskini di dalam laman web ini. Selain itu, semua maklumat tentang aktiviti atau program pelancongan, kemasyarakatan dan lain-lain yang dianjurkan juga akan dikongsikan dengan pelayar laman ini ([www.tioman.gov.my](http://www.tioman.gov.my)).

### *Media Sosial*

Pihak Lembaga juga telah mempertingkatkan usaha dalam memasarkan Pulau Tioman bagi mengekalkan imej sebagai sebuah destinasi percutian yang unggul agar pulau ini sentiasa menjadi pilihan utama pelancong tidak kira bagi pelancong baru atau pelancong berulang menerusi pelbagai medium pemasaran seperti laman sesawang, instagram, facebook (glorytioman) dan lain-lain dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan.

## **BELANJAWAN DAN KEWANGAN**

### **Pengenalan**

Unit ini bertanggungjawab terhadap segala urusan kewangan dan perakaunan. Unit ini juga adalah merupakan pusat dana Lembaga yang berfungsi menyelaraskan terimaan hasil dari unit kutipan hasil di Bahagian Kerajaan Tempatan dan mengerakkan segala perbelanjaan dan projek-projek yang telah dirancang.

### **Objektif**

- Menyediakan Anggaran Belanjawan dan memantau perbelanjaan setiap unit dan bahagian.
- Mempelbagaikan sumber hasil
- Melaksanakan pembayaran secara EFT

### **Fungsi Utama Unit**

- Menguruskan penyediaan Anggaran Belanjawan Tahunan
- Menyediakan Penyata Kewangan Tahunan
- Menguruskan pembelian, pembayaran dan hal-hal pelaburan Lembaga.
- Menguruskan kutipan hasil Lembaga di ibu pejabat Teluk Gading, Kuala Rompin dan cawangan di Kampung Tekek, Pulau Tioman.
- Menyimpan rekod-rekod perakaunan untuk tujuan pengauditan.

### **Organisasi**

<b>Jawatan</b>	<b>Bil. Anggota</b>
Penolong Akauntan / W29	1
Pembantu Tadbir Kewangan / W19	1
Pembantu Tadbir Kewangan / W19	1
Pembantu Tadbir Kewangan / W19	1

## Pengurusan Hasil

### *Pendapatan*

#### Urusniaga Bukan Pertukaran

<b>Pendapatan</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>
Cukai Taksiran Am	767,951	679,636
Sumbangan Membantu Kadar	45,858	45,858
Lesen dan Pendaftaran	68,194	71,654
Denda dan Hukuman	9,862	1,246
Geran Tahunan	2,227,005	2,220,699
Sumbangan Kerajaan Negeri & Kerajaan Persekutuan	383,610	1,460,023
<b>JUMLAH URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN</b>	<b>3,502,480</b>	<b>4,479,116</b>

#### Urusan Pertukaran

<b>Pendapatan</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	2,177	17,507
Perolehan Dari Jualan dan Sewaan Barang-barang	24,794	6,970
Sewaan Ruang Niaga	117,407	69,445
Faedah Dari Simpanan Tetap	102,632	92,564
Pelbagai Hasil	30,681	42,211
<b>JUMLAH URUSNIAGA PERTUKARAN</b>	<b>277,691</b>	<b>228,697</b>
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>3,780,171</b>	<b>4,707,813</b>

## Perbelanjaan

### *Perbelanjaan Mengurus*

Perbelanjaan	2020	2021
Emolumen	1,797,285	1,905,062
Perjalanan dan Sara Hidup	116,788	141,436
Pengangkutan Dan Barang-barang	1,865	2,827
Perhubungan Dan Utiliti	111,365	122,679
Sewaan	47,089	61,039
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan	52,557	29,874
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	47,236	40,861
Penyelenggaran dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	34,184	976,035
Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Hospitaliti Yang Dibeli	77,962	118,014
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	42,250	21,400
Aset	50,030	324,803
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	947,600	1,044,530
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>3,326,210</b>	<b>4,788,559</b>

### *Perbelanjaan Pembangunan*

Perbelanjaan	2020	2021
Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	133,111	102,372
<b>JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>	<b>133,111</b>	<b>102,372</b>

## Akaun

Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dikeluarkan pada 12 Ogos 2022 dan Lembaga memperolehi **Sijil Bersih**.

Penyata Kewangan Lembaga tiada mengandungi isu signifikan yang membawa kepada sijil bertegur. Penyata kewangan Lembaga telah memberikan gambaran benar dan saksama pada tahun pengauditan 2021.

Pada Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2021 Lembaga memperolehi hasil sebanyak RM4,926,009 yang menjadikan peningkatan hasil sebanyak RM826,494

berbanding tahun 2020. Ia disebabkan oleh peningkatan pada Terimaan Geran Kerajaan, Permit Perniagaan dan Lain-lain Terimaan.

Pihak Pengurusan Lembaga juga telah memanfaatkan pemberian Geran PPPT dan Geran Mengurus yang masih menunggu proses dilunaskan kepada Simpanan Tetap yang juga secara langsung menyumbang kepada pertambahan keuntungan dari simpanan tetap. Simpanan tetap Lembaga meningkat kepada RM2juta pada tahun 2021.

Walaubagaimanapun, lebihan tahun semasa berkurang sebanyak RM415,741.00. Peningkatan ini disebabkan pada perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM1,035,364 berbanding tahun 2020 adalah disebabkan oleh kenaikan belanja pada tajuk OSOL Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil.

# PENGURUSAN SUMBER ASLI

03




LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

## PENGURUSAN SUMBER ASLI

### RANCANGAN TEMPATAN DAERAH ROMPIN (PENGUBAHAN) 2015

Rancangan Tempatan Daerah Rompin (Pengubahan) 2015 telah diwartakan pada 20 Disember 2012 (No. Warta 1884) hendaklah dibaca bersekali Rancangan Tempatan Daerah Rompin (2002 – 2015) yang telah digunakan sehingga kini sebagai garis panduan perancangan pembangunan di Pulau Tioman. Daerah Rompin terdiri daripada 5 mukim iaitu mukim Keratong, Rompin, Pontian, Endau dan Tioman yang mana Pulau Tioman terletak di dalam Blok Perancangan 6 (BP 6).



## **DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) GUGUSAN PULAU TIOMAN PAHANG, 2030**

Draf RKK Pulau Tioman adalah di peringkat keenam (6) daripada tujuh (7) proses utama penyediaan Rancangan Kawasan Gugusan Pulau Tioman, Pahang 2030. Terdapat beberapa pertimbangan yang perlu diambil kira sebelum draf ini dapat diwartakan iaitu mengambil kira pandangan penduduk dan orang awam terhadap maklumbalas utama yang dikemukakan berdasarkan Program Publisiti dan Penyertaan Awam yang telah dijalankan. Sebanyak tiga (3) sesi *engagement* dan libat urus telah dilaksanakan pada tahun 2021 iaitu :-

- (i) 3 Mac 2021 : melibatkan agensi - agensi kerajaan
- (ii) 27 Mei hingga 31 Mei 2021 : Edaran borang soal selidik (*Google Form*) melibatkan 107 responden
- (iii) 26 Julai hingga 6 Ogos 2021 : Edaran Borang Soal Selidik (*Google Form*) dan Soal Selidik Penduduk di Lapangan melibatkan 554 responden



## **KAWALAN PEMBANGUNAN**

### **Permohonan Perihal Tanah**

Dalam tahun semasa, satu (1) permohonan perihal tanah telah dikemukakan kepada Pentadbiran ini untuk mendapat kelulusan dan masih di dalam peringkat pertimbangan. Permohonan tersebut ialah :-

- (i) Permohonan Mengubah Kategori Kegunaan Tanah Dari Pertanian (Dusun) Kepada Bangunan (Perniagaan-Hotel/Resort) Bagi Hak Milik HSM 489 (PT 701) di Telok Berus Dalam, Mukim Tioman, Daerah Rompin, Seluas 1.018 Hektar (2.5155 Ekar) Oleh Y.A.M. Tengku Fahad Muad'adzam Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Di Bawah Seksyen 124 Kanun Tanah Negara

### **One Stop Centre (OSC)**

Dalam Tahun 2021, Lembaga Pembangunan Tioman tidak menerima sebarang permohonan kelulusan cadangan pembangunan yang baru.

Dalam tahun semasa, terdapat tujuh (7) permohonan perihal tanah telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapat kelulusan dan masih di dalam peringkat pertimbangan. Permohonan tersebut adalah :-

<b>Bil.</b>	<b>Permohonan</b>	<b>Keluasan</b>	<b>Lokasi</b>
1	Mengubah Kategori Kegunaan Tanah dari Pertanian (Dusun) Kepada Bangunan (Perniagaan - Hotel/Resort)	1.018 Hektar	Telok Berus Dalam
2	Mengubah Kategori Kegunaan Tanah dari Pertanian (Kelapa) Kepada Bangunan (Perniagaan - Resort)	2.024 Hektar	Kg. Mukut

Bil.	Permohonan	Keluasan	Lokasi
3	Mengubah Kategori Kegunaan Tanah dari Pertanian (Kelapa) Kepada Bangunan (Perniagaan - Resort)	1.214 Hektar	Kg. Mukut
4	Mengubah Kategori Kegunaan Tanah dari Pertanian (Dusun) Kepada Bangunan (Perniagaan - Resort)	0.5496 Hektar	Sungai Tedau
5	Mengubah Kategori Kegunaan Tanah dari Pertanian (Kelapa) Kepada Bangunan (Perniagaan - Resort)	0.8826 Hektar	Kampong Mukut
6	Mengubah Kategori Kegunaan Tanah dari Pertanian (Kelapa) Kepada Bangunan (Perniagaan - Resort)	0.4196 Hektar	Tedau, Mukut
7	Mengubah Kategori Kegunaan Tanah dari Pertanian (Kelapa) Kepada Bangunan (Perniagaan - Resort)	2.024 Hektar	Kampong Mukut

**Lawatan Tapak Bagi Permohonan Rundingan Di Bawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Pemajuan Jeti Penumpang Kg. Tekek, Pulau Tioman.**

Pada 20 Januari 2021, satu lawatan tapak telah diadakan di Jabatan Laut, Kampung Tekek, Pulau Tioman bagi melihat keadaan tapak secara fizikal bagi cadangan untuk menaiktaraf Jeti Penumpang Kg. Tekek, Pulau Tioman. Lawatan tapak tersebut turut dihadiri pegawai - pegawai daripada PLANMalaysia@Pahang, Jabatan Laut Malaysia dan Jabatan Kerja Raya.



### **Perbincangan bersama pihak Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) Bagi Tujuan Pemantauan Kepulauan Tioman.**

Pada 29 Oktober 2021, satu lawatan kerja yang diketuai Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, YH. Dato' Haji Idros bin Yahya telah diadakan di Kompleks Operasi Angkasa (SOC), Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Temerloh, Pahang. Lawatan kerja ini bertujuan untuk membincangkan dan mendapatkan khidmat Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dalam penggunaan teknologi remote sensing bagi tujuan pemantauan dan perancangan pembangunan fizikal di sekitar Pulau Tioman serta lain - lain tujuan yang berkaitan.



# KUALITI HIDUP MASYARAKAT

04



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

## KUALITI HIDUP MASYARAKAT

### INFRASTRUKTUR FIZIKAL

#### Bekalan Air Luar Bandar (BALB)

Pihak **Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)** telah membuat lawatan ke Pulau Tioman pada **25 Otober 2021** bersama **Unit Perancang Ekonomi (EPU)** bagi meninjau keadaan tapak projek untuk kelulusan tambahan peruntukan sebanyak **RM25 juta**.



Lawatan KPLB dan EPU ke Pulau Tioman pada 25 Okt 2021

Pada 29 dan 30 November 2021, pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Bahagian Perancang Ekonomi (BPEN), Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) dan Perbadanan Air Pahang (PAIP) telah membuat Penilaian bagi Memuktamdkan Skop dan Kos projek (MMSK). Hasil penilaian tersebut, dipersetujui skop dan kos bagi fasa pertama adalah sebanyak **RM18,500,000.00** sahaja dan sebahagian skop ditangguhkan. Peruntukan projek masih dikekalkan sebanyak **RM34 juta** dan projek ini dijangka akan ditender pada April 2022. Antara skop projek yang diluluskan adalah :

- (i) Kerja Menaiktaraf ‘intake’ sediada.
- (ii) Pembinaan tangki Simpanan (2.5 juta liter)
- (iii) Kerja-kerja Membaikpulih loji sediada
- (iv) Pemasangan paip air terawat sepanjang ,1825m bersaiz 200mm diameter.
- (v) Pemasangan paip komunikasi pada rumah penduduk sekitar Kg. Tekek dan Kg. Air Batang, Pulau Tioman.



Perbincangan Untuk Memuktamadkan Skop dan Kos projek (MMSK) yang telah diadakan di PAIP Indera Mahkota

### **Telekomunikasi**

Telekom Malaysia (TM) menyediakan kemudahan telekomunikasi sebanyak 1,140 talian menggunakan kemudahan 'radio direct feed' di semua penempatan utama kecuali di Kg. Mukut manakala sebanyak 14 menara telekomunikasi yang beroperasi di setiap kampung.


Dalam tahun semasa, semua kampung utama di Pulau Tioman telah mendapat perkhidmatan telefon selular dan telefon talian tetap yang disediakan samada oleh pihak TM, Digi, Celcom atau Maxis kecuali di Kg. Mukut. Kemudahan internet – streamyx (Kg. Salang, Kg. Air Batang, Kg. Tekek, Kg. Paya, Kg. Genting dan Kg. Juara) dan broadband juga disediakan di semua kampung.

### **Projek Menaiktaraf Kemudahan Asas, Infrastruktur dan Utiliti**

Dalam Tahun semasa, Lembaga Pembangunan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah melaksanakan 2 projek dengan menggunakan peruntukan Dana RETF (*Real Estate Tourism Fund*) sebanyak RM 9.5 juta. Projek-projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti di Jadual 6.

## **Jadual 6**

Bil	Projek	Kos (RM)	Status
1.	Kerja-kerja Menaiktaraf Infrastruktur Untuk Jeti Kg. Genting dan Jambatan Sg. Mangkai Kg. Genting, Pulau Tioman Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan.	4,574,452.50	(i) Kerja-kerja pembinaan rumah sampah (ii) Kerja-kerja pemasangan kekuda bumbung.
2.	Projek Menaiktaraf Infrastruktur Jeti Kg. Salang, Pulau Tioman	3,700,000.00	Pembinaan projek ini akan bermula pada Mac 2022.



Gambar pembinaan jambatan Sg Mangkai Kg. Genting dan rumah sampah sedang dilaksanakan.

## KEMUDAHAN SOSIAL

### Perumahan

Dalam tahun semasa, bilangan penduduk di Pulau Tioman ialah 3,574orang manakala bilangan rumah ialah 775 buah seperti **Jadual 7**.

**Jadual 7 : Bilangan Kediaman dan Penduduk Tahun 2021**

Kampung	Bil.Rumah	Bil. Penduduk
Salang	46	250
Air Batang dan Tekek	521	2,218
Paya dan Genting	70	397
Mukut	60	289
Juara	78	420
<b>Jumlah</b>	<b>775</b>	<b>3,574</b>

### Ruang Niaga

Pelbagai jenis perniagaan dijalankan di penempatan-penempatan di mana kebanyakannya adalah bersaiz kecil yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Bilangan ruangniaga yang dijalankan dalam tahun semasa adalah seperti **Jadual 8**.

**Jadual 8 : Ruang Niaga Di Pulau Tioman**

Kampung	Bil.Ruangniaga
Salang	46
Air Batang dan Tekek	521
Paya dan Genting	70
Mukut	60
Juara	78
<b>Jumlah</b>	<b>775</b>

Bagi Cadangan Pembinaan Kompleks Pintu Masuk Kg. Tekek, dimaklumkan pihak DR Group Holdings Sdn. Berhad masih berminat untuk membangunkan Kompleks Pintu Masuk Kg. Tekek.

## **PENGURUSAN KUMBAHAN**

Sehingga kini loji insinerator ini masih beroperasi seperti biasa di bawah operator Syarikat Sebarau Tech Engineering & Services (M) Sdn. Bhd. sehingga 14 September 2026

## **PENGURUSAN KESIHATAN PERSEKITARAN DAN KAWALAN PERNIAGAAN**

### **Kawalan Dan Pencegahan Penyakit Berjangkit**

#### **Aktiviti kawalan Vektor**

- Lembaga Pembangunan Tioman sentiasa melaksanakan aktiviti semburan asap secara berkala di tujuh (7) buah kampung di Pulau Tioman. Bagi tahun 2021, aktiviti semburan asap hanya dilaksanakan di enam (6) buah kampung sahaja seperti berikut:-

<b>Kampung</b>	<b>Tarikh Semburan</b>
Salang	11-12 Ogos 2021
Air Batang	Racun serangga kehabisan dan lambat sampai.
Genting	16-17 Ogos 2021
Paya	06 Ogos 2021
Mukut	05 Ogos 2021
Tekek	23 - 25 Ogos 2021
Juara	18 - 19 Ogos 2021

**Jadual 9: Aktiviti semburan kabus/asap di Pulau Tioman**

## Aktiviti Semburan Kabus



Kampung Paya (06 Ogos 2021)





Kampung Mukut (06 Ogos 2021)




Kampung Salang (11-12 Ogos 2021)



Kampung Juara (18-19 Ogos 2021)



Kampung Genting (16-17 Ogos 2021)



## Kawalan Penyakit Berjangkit

Wabak Covid-19 telah merebak ke Malaysia pada bulan Mac 2020 dan telah menular di Pulau Tioman pada bulan Mac 2021. Sehubungan itu, Pulau Tioman telah menjadi pulau pertama yang dikenakan kawalan pergerakan yang disebabkan oleh jangkitan Covid-19 yang telah dijangkiti oleh penduduk kampung.

Oleh yang demikian, pihak Lembaga telah turut sama mengawal penyakit berjangkit ini dengan mengeluarkan notis kawalan serta melakukan sanitasi premis-premis perniagaan yang dikunjungungi oleh pembawa penyakit Covid-19 seperti berikut;

Sanitasi di Pejabat Pentadbiran Tioman



Sanitasi di Bank Nasional Berhad, Kampung Tekek



Sanitasi di Kompleks Terminal Tekek



Sanitasi di premis perniagaan sekitar Kampung Tekek





Pihak Lembaga juga telah bekerjasama dengan pihak Polis, Kesihatan Klinik Tekek dan Angkatan Pertahanan Awam bagi mengawal penyakit Covid-19. Antara kawalan yang dilakukan adalah memastikan setiap premis perniagaan menyediakan *hand sanitizer*, alat bacaan suhu badan, QR scan code MySejahtera dan kad pengesahan vaksin (memastikan kakitangan pekerja premis perniagaan telah lengkap 2 dos vaksinasi).

Memeriksa premis perniagaan



Memeriksa di jeti penumpang



## Kawalan Kualiti Dan Mutu Makanan

### Fungsi Dan Tanggungjawab

Memberikan penarafan dan pengiktirafan kepada semua premis makanan di Pulau Tioman mengikut tahap kebersihannya.

Memastikan makanan yang disediakan adalah selamat untuk dimakan.

Mengurangkan kadar insiden penyakit bawaan makanan dan air serta kematian yang disebabkan olehnya.

Mempertingkatkan tahap kebersihan dan nilai estetika sesebuah premis makanan.

Mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran pengusaha dan pengendali premis makanan terhadap kebersihan dan keselamatan makanan.

### Pemeriksaan Kebersihan Dan Penggredan Premis Makanan

- Lembaga Pembangunan Tioman bersama-sama Pejabat Kesihatan Daerah Rompin sentiasa menjalankan pemeriksaan kebersihan dan penggredan premis makanan di Pulau Tioman secara berkala.
- Pemeriksaan dan penggredan premis makanan dibuat berdasarkan Garis Panduan Pemeriksaan Dan Pengredan Premis Makanan di Pihak Berkuasa Tempatan. (**Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bilangan 2 Tahun 2014**)
- Pemeriksaan ke atas premis makanan dilakukan berdasarkan 3 kriteria yang ditetapkan iaitu kebersihan makanan dan minuman, keselamatan dan kesihatan pengendali makanan dan kebersihan persekitaran premis termasuk peralatan.
- Pengiktirafan premis makanan berdasarkan penarafan tiga (3) gred:

Pengiktirafan Premis	Gred	Julat Markah
Amat Bersih	A	86% – 100%
Bersih	B	71% - 85%
Kurang Bersih	C	51% - 70%

\*Premis yang mendapat markah 50% dan ke bawah akan dibuat tindakan susulan yang membawa kepada penutupan premis.

## Pengeluaran Kad Pengendali Makanan


- ☞ Semua pengendali makanan di Pulau Tioman perlu mendapatkan suntikan typhoid daripada klinik-klinik yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan membuat permohonan kad pengendali makanan daripada Lembaga Pembangunan Tioman.  
[Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1986 dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pembangunan Tioman (Pindaan) 2020]
- ☞ Bagi Tahun 2021, Lembaga Pembangunan Tioman telah memproses sebanyak 13 permohonan kad pengendali makanan kepada pemohon.

Pecahan Jumlah Pengeluaran Kad Mengikut Kampung	
Kampung Mukut	0
Kampung Genting	0
Kampung Paya	0
Kampung Tekek	9
Kampung Air Batang	3
Kampung Salang	0
Kampung Juara	1



## Promosi Kesihatan

Lembaga Pembangunan Tioman sentiasa berusaha meningkatkan tahap kesedaran awam berkaitan penjagaan kebersihan kawasan di Pulau Tioman termasuklah premis perniagaan dan kediaman. Statistik promosi dan pendidikan kesihatan adalah seperti di dalam rajah.



## Kawalan Perniagaan

### Fungsi Dan Tanggungjawab

Memproses permohonan baru dan pembaharuan Lesen Premis Perniagaan Dan Iklan, Lesen Penjaja, Permit Perniagaan Sementara dan Lesen/Permit Hiburan.

Mengeluarkan notis-notis ke atas ketidakpatuhan di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pembangunan Tioman (2005).

Menjalankan aktiviti pemantauan berkala ke atas semua premis perniagaan di Pulau Tioman.

Menguruskan aduan awam di Pulau Tioman.

### Pengeluaran Lesen Perniagaan

Salah satu fungsi PBT yang diambil alih oleh Lembaga Pembangunan Tioman adalah melesenkan aktiviti atau jenis perniagaan ke atas semua premis perniagaan di dalam Kawasan Pentadbiran Lembaga selaras dengan peruntukan **Seksyen 107, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Undang-Undang Kecil Pelesenan Lembaga Pembangunan Tioman (Pindaan) 2020.**


Terdapat **empat (4)** jenis permohonan lesen perniagaan iaitu:

- a) Lesen Premis Perniagaan Dan Iklan
- b) Lesen Penjaja
- c) Permit Perniagaan Sementara
- d) Lesen/Permit Hiburan

Sepanjang tahun 2021, terdapat **334 lesen melibatkan 136 jenis perniagaan** telah dikeluarkan oleh Lembaga dengan kutipan hasil berjumlah **RM 73,942.40**

<b>Lesen</b>	<b>Bil</b>	<b>Jumlah Hasil (RM)</b>
Lesen Premis Perniagaan Dan Iklan	136	72,487.30
Lesen Penjaja	10	1,025.10
Permit Perniagaan Sementara	19	430.00
Lesen Hiburan	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>284</b>	<b>73,942.40</b>

**Jadual 10: Pecahan Bilangan Pengeluaran Lesen Dan Kutipan Hasil Tahun 2021**



# MODAL INSAN

05



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

## **MODAL INSAN**

### **PROGRAM KEUSAHAWANAN**

Aktiviti pelancongan merupakan asas utama penglibatan usahawan dalam bidang perniagaan di Pulau Tioman. Bermula dengan penyediaan rumah penginapan, kedai makan, kedai runcit, perkhidmatan bot, sewaan motosikal, basikal dan kereta, kedai serbanika, bebas cukai serta kedai kraftangan semuanya merupakan perniagaan berkaitan sektor pelancongan. Tahun 2021 adalah tahun yang sangat sukar bagi penggiat industri pelancongan kerana masih berdepan dengan situasi Pandemik COVID-19. Justeru, Masih banyak aktiviti atau program yang tidak dapat dilaksanakan kerana terikat dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Namun begitu, pada 17 hingga 19 November 2021, Lembaga Pembangunan Tioman telah dapat mengadakan satu program **Lawatan Pembelajaran Pelaksanaan Program Community Based Ecotourism (CBET) Bagi Penduduk Pulau Tioman** bersama Komuniti Persatuan Sahabat Alam Tampik di Chalet Mama Papa, Janda Baik Bentong, Pahang. Program ini turut mendapat kerjasama dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).


Objektif program ini diadakan adalah seperti berikut :-

- (i) Mendedahkan para peserta dengan aktiviti-aktiviti berasaskan hutan/daratan berbanding aktiviti laut yang sememangnya telah terkenal di Pulau Tioman;
- (ii) Memberi peluang kepada peserta mempelajari ilmu baharu bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, kaedah promosi dan pemasaran produk;
- (iii) Para peserta terlibat juga akan diberi latihan secara amali semasa menyertai program ini; dan

- (iv) Memberi kursus latihan secara percuma kepada peserta agar mereka tidak terbeban dengan kos yang tinggi seandainya perlu menghadiri kursus ini secara persendirian di luar Pulau Tioman.

Seramai 22 orang peserta telah menyertai program ini. Berikut merupakan gambar sepanjang program berlangsung.





## **PROGRAM PEMULIHAN SEKTOR PELANCONGAN PULAU TIOMAN**

Melihat kepada situasi pandemik yang masih lagi belum pulih, menerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman Kali ke-42 (Bil.2/2021) telah meluluskan **sebahagian peruntukan Promosi dan penggalakan pelancongan sedia ada digunakan untuk memberi bantuan secara terus one-off kepada pengusaha chalet (Hotel Kategori 3) serta penyewa ruang niaga milik Lembaga berdasarkan justifikasi seperti berikut:**

- a) **Pengusaha penginapan pelancong hanya sempat beroperasi selama lebih kurang satu (1) bulan sehingga 30 September 2021**, iaitu ketika tamat musim tengkujuh, pertengahan Februari 2021 sehingga pertengahan bulan Mac 2021 sebelum Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan dilaksanakan di Pulau Tioman. Selepas itu, situasi pandemik semakin kritikal dan tiada pergerakan rentas negeri mahupun daerah boleh dijalankan mengakibatkan ketiadaan pelancong di pulau ini sehingga hari ini.
- b) **Penyewa premis Lembaga Pembangunan Tioman, dari kalangan industri rantaian sektor pelancongan turut menerima kesan yang besar seperti pusat skuba, pengusaha bot rekreasi/aktiviti pelancong, penyedia kenderaan sewaan (kereta, motosikal dan basikal), pengusaha restoran, kedai-kedai cenderahati dan pelbagai lagi perusahaan kecil turut terjejas teruk dan kini hanya bergantung kepada perbelanjaan oleh penduduk tempatan sahaja.**
- c) **Peniaga masih perlu menanggung kos operasi seperti lesen perniagaan, cukai, kos-kos utiliti, pinjaman bank serta gaji kakitangan.**

Jumlah pemberian bantuan secara *One Off* tersebut adalah seperti Jadual berikut:

Bil.	Kategori	Bil. Premis	Cadangan Amaun <i>One Off</i> (RM)	Jumlah (RM)
1.	Hotel Kelas 3	82	500	41,000.00
2.	Penyewa Premis TDA	53	500	26,500.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>67,500.00</b>

# PELANCONGAN

06



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

## **PELANCONGAN**

### **PRODUK**

#### **Aktiviti Rekreasi Laut Dan Pantai**

Pulau Tioman sangat terkenal dengan kepelbagaiannya sumber marin yang masih indah dan terpelihara dan ianya menjadi daya tarikan utama pelancong untuk datang ke sini. Hampir 80% aktiviti pelancong yang datang ke Pulau Tioman adalah tertumpu ke kawasan laut dan pantai. Keindahan khazanah dasar laut menjadi daya tarikan utama kepada pelancong. Selain kawasan Pulau Tioman itu sendiri, pulau-pulau kecil berhampiran seperti Pulau Rengis, Pulau Soyak, Pulau Tulai dan Pulau Labas adalah antara tarikan dan pilihan utama pelancong untuk melakukan aktiviti seperti snorkeling dan selam skuba. Aktiviti selam skuba telah berkembang dengan sangat baik berbanding 10 tahun yang lalu. Menurut rekod Lembaga, pada tahun 2021 sebanyak 30 pusat selam skuba berlesen telah beroperasi di Pulau Tioman. Berikut merupakan pecahan pusat selam skuba mengikut kampung di Pulau Tioman.

Jadual 11: Pusat Selam Skuba

KAMPUNG	JUMLAH PUSAT SELAM SKUBA
Kampung Mukut	1
Kampung Genting	5
Kampung Paya	6
Kampung Tekek	8
Kampung Air Batang	4
Kampung Salang	4
Kampung Juara	2
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>

Manakala di kawasan pantai pula, aktiviti riadah seperti bola tampar pantai, bola sepak pantai serta aktiviti *sunbathing* menjadi pilihan para pelancong. Bagi golongan muda yang suka aktiviti lebih mencabar kebiasaannya akan mencuba untuk meluncur ombak, berkayak dan aktiviti *stand up paddle*.

Kaki pancing pula memilih aktiviti memancing dan mencandat sotong di laut dalam (jarak 2 batu nautika dari pantai bagi pulau Taman Laut). Antara usaha pihak Lembaga dalam menyokong serta mempromosikan aktiviti rekreasi laut dan pantai ini dengan membantu melaksanakan beberapa acara yang dianjurkan oleh pelbagai agensi serta pihak swasta. Sebahagian acara- acara ini telah pun menjadi acara tahunan di Pulau Tioman. Namun begitu, tidak semua acara pelancongan dapat dijalankan pada tahun 2021 berikutan pandemik Covid-19 serta arahan Perintah Kawalan Pergerakan.

### **Pembangunan Aktiviti Daratan**

Walaupun Pulau Tioman lebih dikenali dengan keindahan lautan dan pantainya, Masih banyak aktiviti daratan yang boleh dilakukan oleh pelancong di sini. Dalam usaha membangunkan aktiviti ini, Lembaga sentiasa bersikap terbuka untuk membantu dan bekerjasama dengan mana- mana pihak yang berminat menjalankan program, aktiviti atau acara yang berkaitan dengan aktiviti tersebut.


Kepelbagaiannya flora dan fauna di Pulau Tioman menjadi daya penarik kepada pelancong yang gemarkan aktiviti lasak seperti kembara hutan. Variasi tumbuhan di kawasan tanah rendah, bukit, gunung dan hutan paya bakau antaranya adalah spesis balak, buah-buahan serta kulat. Salah satu tarikan yang semakin popular di kawasan hutan Pulau Tioman adalah spesis Rafflesia yang istimewa yang mana sebelum ini sangat popular di Gunung Kinabalu, Sabah.

Bagi spesis fauna pula, terdapat pelbagai jenis mamalia, reptilia, kupu-kupu, hidupan air tawar serta burung. Aktiviti melihat *ameleon* di hutan sekitar Kampung Juara merupakan salah satu tarikan bagi penggemar aktiviti jelajah hutan.



Gambar di atas merupakan antara tarikan flora dan fauna yang terdapat di hutan sekitar Pulau Tioman.

Aktiviti memanjat gunung di Gunung Kajang dan Gunung Neneh semukut juga menjadi satu daya tarikan utama pelancong yang menggemari aktiviti lasak ini. Para pelancong yang gemarkan aktiviti ini biasanya akan tinggal lebih lama di Pulau Tioman kerana aktiviti ini mengambil masa yang agak panjang. Selain itu, bagi pelancong yang berminat melakukan aktiviti riadah santai bolehlah singgah di Air Terjun Asah, Kampung Asah atau melalui trek hutan ke Air Terjun Lubuk Teja, Kampung Juara.



*Para pelancong sedang bermandi manda di Air Terjun Asah*



*Para pelancong sedang menikmati pemandangan dari puncak Gunung Neneh Semukut.*

## **AKSESSIBILITI**

### **Jeti**

Akses utama ke Pulau Tioman adalah di Jeti Penumpang Teluk Gading, Rompin, Pahang dan juga Jeti Penumpang Mersing, Johor. Operasi kedua- dua jeti ini adalah di bawah seliaan Jabatan Laut Malaysia. Penumpang yang menaiki feri ini akan diturunkan di setiap kampung mengikut destinasi penginapan masing- masing. Hentian feri di Pulau Tioman adalah di Jeti kampung Genting, Jeti Kampung Paya, Jeti Kampung Tekek, Jeti Kampung Air Batang dan Jeti Kampung Salang. Bagi penumpang yang ingin ke Kampung Mukut perlu turun di Jeti Kampung Genting dan seterusnya mengambil bot persendirian ke sana. Manakala penumpang yang ingin ke Kampung Juara pula akan turun di Jeti Kampung Tekek sebelum meneruskan perjalanan menaiki kenderaan pacuan empat roda untuk sampai ke sana.

### **Feri**

Perkhidmatan feri yang berpengkalan di Teluk Gading dikendalikan oleh Syarikat Bistari Gemilang Shipping Sdn. Bhd. dan Cataferry Sdn. Bhd. Jadual feri dari jeti Tanjung Gemok ini adalah berbeza bagi setiap syarikat tersebut. Namun begitu, pada musim puncak jadual perjalanan setiap feri akan ditambah bergantung kepada tempahan dan permintaan penumpang.

Selain itu, terdapat juga perkhidmatan feri alternatif ke Pulau Tioman iaitu melalui Mersing. Kebanyakan pelancong yang menggunakan perkhidmatan feri di Mersing adalah mereka yang menggunakan Lebuhraya Utara Selatan, pelancong dari selatan Semenanjung Malaysia dan juga dari Singapura. Jadual perjalanan feri dari Mersing ini adalah lebih kerap dan bilangan feri yang beroperasi juga lebih banyak. Namun begitu, perjalanan feri ini bergantung kepada jadual pasang surut air laut.

### **Lapangan Terbang**

Penerbangan berjadual, Berjaya Air telah menamatkan servis dan mengosongkan premis mereka bermula Disember 2014. Sehingga kini belum ada lagi syarikat penerbangan lain yang beroperasi bagi tujuan penerbangan berjadual di Pulau Tioman. Namun begitu, terdapat satu syarikat penerbangan iaitu SKS Airways

sedang dalam perancangan bagi mengadakan semula penerbangan berjadual ke Pulau Tioman dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

## KEMUDAHAN PELANCONGAN

### Penambahbaikan/ Naik Taraf Premis Penginapan

Industri pelancongan di Pulau Tioman semakin hari semakin pesat membangun. Jika dilihat dari awalnya, hanya penduduk tempatan sahaja yang membina rumah-rumah penginapan dan restoran. Namun kini fenomena telah berubah, terdapat sebilangan pelabur luar yang berminat untuk bermiaga dan menceburkan diri dalam bidang pelancongan dengan menyewa tanah untuk dibangunkan menjadi rumah penginapan pelancong, restoran mahupun kedai cenderahati. Premis yang mampu menyediakan fasiliti dan perkhidmatan yang bertaraf lima bintang mampu menjadi nilai tambah kepada industri pelancongan di Pulau Tioman.

Berikut adalah senarai jumlah premis penginapan pelancong mengikut kampung di Pulau Tioman.

Jadual 12: Jumlah Premis Penginapan Pelancong.

KAMPUNG	JUMLAH PREMIS PENGINAPAN
Kampung Mukut	9
Kampung Genting	14
Kampung Paya	6
Kampung Tekek	17
Kampung Air Batang	22
Kampung Salang	15
Kampung Juara	20
<b>JUMLAH</b>	<b>103</b>

## STATISTIK PELANCONG

Jumlah kedatangan pelancong ke Tioman bermula Januari sehingga Disember, 2021 adalah sebanyak 39,034 orang berbanding 160,424 orang dalam tempoh yang sama pada tahun 2020. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 121,390 orang atau 75.66%. Kemerosotan jumlah kemasukan pelancong ini adalah disebabkan negara kita masih berada di dalam Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID-19 yang masih berlaku. Ketiadaan kemasukan pelancong luar negara juga adalah disebabkan pintu sempadan negara yang masih belum di buka bagi menerima pelancong.

Bagi tujuan mengemaskini data- data kedatangan pelancong ke Tioman, pengambilan maklumat kedatangan pelancong ini dibuat setiap bulan. Selain mengambil kiraan kemasukan pelancong melalui feri dan kapal terbang (sekiranya ada), mod pengangkutan lain juga turut diambil kira seperti kapal persiaran atau kapal layar dan bot- bot tempahan khas untuk aktiviti menyelam yang kebiasaannya akan masuk pada hujung minggu. Usaha- usaha bagi menambahkan bilangan pelancong yang datang serta pertambahan tempoh penginapan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa. Statistik kemasukan pelancong dari 10 tahun terdekat termasuk tahun semasa adalah seperti berikut.

**Jadual 13: Statistik Ketibaan Pelancong**

TAHUN	KETIBAAN PELANCONG	DOMESTIK	LUAR NEGERI
2012	214,482	146,587 (68.0%)	67,895 (32.0%)
2013	232,102	163,103 (70.2%)	70,466 (29.8%)
2014	268,784	191,795 (71.3%)	76,989 (28.7%)
2015	231,238	164,027 (70.9%)	67,211 (29.1%)
2016	249,300	187,584 (75.2%)	61,716 (24.8%)
2017	263,291	192,745 (73.2%)	70,546 (26.8%)
2018	256,064	171,257 (66.8%)	84,807 (33.12%)
2019	276,156	195,804 (70.9%)	80,352 (29.1%)
2020	160,424	155,968 (97.3%)	4,456 (2.7%)
2021	39,034	39,034 (100%)	-



## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

Ibu Pejabat : No 1 Jalan Besar Tanjung Gemok 1,  
Teluk Gading  
26820 Kuala Rompin  
Pahang Darul Makmur

No Tel : +609-4133171

No Fax : +609-4133178

Cawangan Tioman : Kg Tekek, Pulau Tioman  
26800 Rompin  
Pahang Darul Makmur

No Tel : +609-4192001/

No Fax : +609-4191394

Email : [tda@tioman.gov.my](mailto:tda@tioman.gov.my)  
website : [www.tioman.gov.my](http://www.tioman.gov.my)

 @glorytioman  
 @glorytioman